

**TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**EXECUTIVE TALK UTeM  
(DATUK AZMAN ISMAIL)**

**1 Oktober 2020 (Khamis), 10.00 pagi  
Dewan Audi Canselor UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

### **1. Yang Berbahagia Datuk Azman Ismail**

Pengucaptama program *Executive Talk* kali ini,

Pegawai-Pegawai kanan universiti, staf, hadirin dan hadirat sekalian.

1. Pertama sekali, marilah kita melafazkan rasa syukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan Inayah dan Kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi ini bersempena Program *Executive Talk*, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2. Saya, mewakili seluruh warga Universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Azman Ismail kerana sudi memenuhi jemputan sebagai pengucaptama program *Executive Talk* kali ini.

3. Walaupun pelaksanaan program *eksekutif talk* ini diadakan pada skala yang sederhana, kerana pematuhan terhadap norma baharu dan SOP Perintah Kawalan Pergerakan, namun begitu, program perkongsian ilmu seumpama ini wajar diteruskan dalam apa cara sekalipun.

4. Sebagai makluman Ybhg. Datuk dan hadirin sekalin, walaupun kehadiran peserta dihadkan di Auditorium ini, namun program pada pagi ini boleh ditonton oleh seluruh warga Universiti dan pelayar internet menerusi Facebook UTeM secara langsung.

## **Hadirin dan Hadirat Sekalian,**

5. Penganjuran Program Wacana seumpama ini merupakan platform terbaik bagi tokoh-tokoh negarawan dan ilmuan negara untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman meluas bersama seluruh warga Universiti dalam menyokong pembangunan modal insan yang lebih cemerlang.

6. Alhamdulillah, pada hari ini, UTeM berasa amat bertuah kerana dapat meneruskan program bermanfaat ini menerusi perkongsian dari Yang Berbahagia Datuk Azman Ismail, Pengurus Urusan, PLUS Malaysia Berhad. Sebagai makluman Datuk, penyelidik UTeM amat aktif berkolaborasi bersama pihak PLUS menerusi tiga *matching grants*, dalam pembangunan projek kon dan drone.

7. Bagi pihak Universiti, saya amat menghargai sokongan berterusan dari rakan industri, khususnya kepada pihak PLUS Malaysia Berhad, dan diharapkan lebih banyak kolaborasi strategik universiti-industri akan dilaksanakan di masa hadapan.

**Hadirin hadirat sekalian,**

8. Sebelum kita meneruskan agenda pagi ini, izinkan saya untuk mengambil sedikit masa tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk kita sama-sama menelusuri latar belakang pengucaptama kita pada hari ini.

- Datuk Azman merupakan lulusan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Kimia dari The University of Nebraska-Lincoln USA.
- Beliau berpengalaman lebih daripada 30 tahun dalam bidang Oil & Gas dan pernah memikul tanggungjawab sebagai Managing Director Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan General Manager Retail Business yang menyelia Petroleum Shell di Malaysia dan Brunei.

- Kini, beliau merupakan Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad, yang berperanan penting dalam menguruskan syarikat konsesi lebuh raya terbesar di negara ini.
- Di bawah kepimpinan beliau, PLUS telah diktiraf sebagai lebuh raya tol No.1 oleh Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) pada 2020 dalam aspek keselesaan dan keselamatan selain turut diangkat sebagai syarikat lebuh raya yang pertama di ASIA yang memperoleh pengiktirafan

antarabangsa menerusi Prince Michael Road Safety Award pada tahun 2019.

- PLUS turut menghasilkan pelbagai inovasi teknologi yang unggul bagi meningkatkan lagi pengalaman pengguna lebuh raya, antaranya seperti memperkenalkan aplikasi Chatbox, penghasilan Kenderaan Keselamatan Lebuhraya bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan pekerja dan kontraktor lebuh raya, mewujudkan zon kerja sementara

yang selamat untuk kerja-kerja pembersihan serpihan dan pengurusan lalu lintas serta memperkenalkan Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya (EOSP) yang pertama di negara ini.

- Datuk Azman juga merupakan Ahli Lembaga Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Presiden Persatuan Lebuhraya Konsesi Malaysia (PSKLM).

**Hadirin dan Hadirat sekalian,**

9. Di atas faktor kecemerlangan dan kegemilangan inilah, maka hari ini kita amat bertuah kerana dapat bersama-sama mendengar perkongsian yang bakal disampaikan oleh Yang Berbahagia Datuk Azman Ismail sebentar sahaja lagi.

10.Diharapkan, sesi perkongsian ini dapat memberi inspirasi, meluaskan lagi pengetahuan dan pengalaman kita bersama menerusi ilmu-ilmu baharu dan pengalaman-pengalaman terbaik yang bakal dikongsikan.

Pohon berangan berteduh serama,  
Subur merimbun Bunga Melati;  
Ilmu dikongsi manfaat bersama,  
Anjakan warga, membina universiti.

11.Dengan ini, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik  
Walhidayah            Wassalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh